

# Saya ada cara capai objektif Wawasan 2020

UM - 13/5/2007

KUALA LUMPUR 12 Mei - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau sedang berusaha untuk mencapai objektif Wawasan 2020 dengan cara yang difikirkannya terbaik untuk negara.

"Saya perlu lakukan dengan cara terbaik yang saya fikirkan dan itulah yang sedang saya lakukan sekarang," kata Perdana Menteri dengan ringkas.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-61 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika ditanya mengenai kritikan terbaru bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kepimpinan beliau dalam satu wawancara bersama sebuah blog baru-baru ini.

Mengenai kedudukan penganjuran Grand Prix Formula Satu (F1) di Litar Antarabangsa Sepang, Abdullah berkata, kerajaan telah bersetuju dengan tawaran untuk menyambung kontrak penganjuran di litar itu selama lima tahun lagi dari 2011 hingga 2015.

Ditanya mengenai kehadiran gergasi bola sepak Liga Perdana England, Manchester United (MU) ke Malaysia Julai ini, beliau sekali lagi menggesa lawatan itu tidak dibatalkan.

"Saya harap semua pihak memahami ini adalah kehendak kerajaan dan rakyat Malaysia juga suka menonton persembahan pasukan ini," katanya.

Sebelum ini, Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) menentang lawatan itu dengan alasan ia bertembung dengan penganjuran Piala Asia yang berlangsung dari 9 hingga 29 Julai nanti.



**ABDULLAH Ahmad Badawi mengangkat tangan S. Samy Vellu yang juga Presiden MIC pada majlis perasmian Perhimpunan Agung MIC Ke-61 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.**